

PENDAPAT PUBLIK MENGENAI PERANAN MEDIA DALAM MENANGANI JENAYAH

MOHD YAHYA MOHAMED ARIFFIN

ABSTRACT

This study aims to determine public's view of the role of mass media in exposing snatch-theft crime in Kuala Lumpur. Apart from that, this study also surveys public perception of the role of mass media in helping the Malaysian police force, Polis Diraja Malaysia (PDRM), in reducing snatch-theft. A total of 390 female respondents in Kuala Lumpur were randomly chosen as a study sample. Questionnaires were given to them to obtain data for the study. Results obtained reveal that the mass media was important for women of Kuala Lumpur to obtain news on snatch-theft. Majority of them felt that news reports in the mass media were true. The respondents strongly agreed that coverage by the mass media on snatch-theft helped make them aware of the crime. In addition, they agreed that the mass media has helped PDRM in reducing the crime in Kuala Lumpur.

Keywords: *snatch-theft, mass media, public opinion, perception, Royal Malaysia Police (PDRM)*

PENGENALAN

Indeks Jenayah yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan bahawa sejak beberapa tahun kebelakangan, kes ragut banyak berlaku di seluruh negara termasuk Kuala Lumpur. Pada 2002, sebanyak 14,640 kes ragut dilaporkan dan jumlah itu meningkat kepada 15,798 pada tahun 2003. Walau bagaimanapun, pada tahun 2004 jumlah kes ragut menurun kepada 11,536, dan terus berlaku penurunan pada tahun 2005, iaitu sebanyak 9,617. Pada tahun 2006, statistik PDRM sehingga Mac menunjukkan kejadian jenayah ini berjumlah 2,645. Sejak Rakan Kop dilancarkan oleh Kontinjen Polis Kuala Lumpur, kes jenayah ragut dilaporkan mencatat penurunan paling ketara. Pada tempoh lima bulan pertama tahun 2005 sebanyak 452 kes telah dilaporkan berbanding 813 kes pada tahun 2004 bagi tempoh yang sama, iaitu penurunan sebanyak 56% (*Berita Harian* 26 Mac 2005). Media massa bukan sahaja bertindak melaporkan berita tetapi juga bertanggungjawab

memainkan peranan dengan memberikan panduan kepada orang ramai ketika berhadapan dengan penjenayah ragut.

MEDIA DAN JENAYAH RAGUT

Media massa seperti surat khabar, radio, dan televisyen sering menyiarkan berita tentang jenayah rogol dan bunuh, termasuk yang melibatkan kanak-kanak. Media massa tidak hanya memaparkan jenayah kejam ini tetapi juga memaparkan satu lagi jenayah yang sering berlaku akhir-akhir ini, iaitu jenayah ragut. Vivian (2002) berpendapat media massa sangat penting kerana ia merupakan sumber maklumat, sumber hiburan, dan forum memujuk dan mengikat pengaruh terhadap masyarakat.

Dalam perkaitan dengan jenayah ragut, media massa mungkin dapat menyampaikan maklumat kepada masyarakat dan seterusnya mendidik mereka supaya berwaspada terhadap penjenayah ini. Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd Bakri Omar menegaskan:

Kesedaran awam yang tinggi tentang peragut dan cara untuk meminimumkannya akan membantu polis memerangi jenayah ini. Akhbar, media massa yang lain, dan NGO mempunyai peranan yang penting dalam mendidik orang awam tentang langkah pencegahan dan keselamatan diri sendiri. Pihak polis pula kini merangka kaedah tambahan untuk mengawalinya.

Kajian Nielson Media Research Index pada tahun 2004 menunjukkan bahawa setiap hari 4.035 juta orang membaca tiga buah akhbar utama berbahasa Melayu, iaitu *Utusan Malaysia*, *Berita Harian*, dan *Harian Metro* manakala 1.536 juta membaca empat buah akhbar harian berbahasa Inggeris, iaitu *The Star*, *New Straits Times*, *The Sun*, dan *Malay Mail*. Bagi akhbar berbahasa Cina, setiap hari seramai 2.911 juta orang membaca enam akhbar harian, iaitu *Sin Chew Daily*, *China Press*, *Guang Ming*, *Oriental Daily News*, *Nanyang Siang Pau*, dan *Kwong Wah*. Seramai 404,000 orang membaca dua buah akhbar Tamil, iaitu *Malaysia Namban* dan *Tamil Nesan* setiap hari. Bagi media televisyen, kajian itu menunjukkan bahawa secara purata seramai 1.246 juta menonton rancangan di TV3 setiap hari, diikuti NTV7 seramai 812,000 orang, dan TV2 oleh 812,000 orang (*Media Guide* 2005). Statistik di atas menunjukkan setiap hari kemungkinan kebanyakan masyarakat di negara ini mendapat berita termasuk jenayah ragut daripada media massa.

Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi berpendapat bahawa media mempunyai peranan yang membina untuk sama-sama menjaga keselamatan negara. Peranan dan tanggungjawab menjaga negara harus dipikul dengan baik oleh media di negara ini tetapi dalam masa yang sama juga polis akan terus berusaha dengan gigih untuk menangani dan membendung kes jenayah (*Utusan Malaysia* 26 Mac 2005). Menurut Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye pula, kekerapan media massa melaporkan isu ragut adalah antara faktor yang membantu pengurangan kadar kes berkenaan di seluruh negara. Pendedahan media berjaya menurunkan kadar jenayah itu sebanyak 6,640

kes sejak Januari hingga Jun tahun 2003, berbanding 8,668 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2004.

Menurut PDRM, pendedahan media tentang kes ragut menyebabkan orang ramai mulai peka dengan jenayah itu dan kini mula memberikan kerjasama membantu polis membanteras jenayah ragut. Kematian mangsa yang dipaparkan oleh media menimbulkan kemarahan dan sikap kurang senang orang ramai terhadap isu ini. Seterusnya hal ini menyebabkan orang ramai menjadi lebih berwaspada di samping memotivasikan mereka untuk membantu pihak polis dalam isu ini. Laporan ragut yang didedahkan juga sebenarnya akan menyelamatkan orang ramai daripada menjadi mangsa dan supaya mereka mengambil langkah yang lebih berhati-hati. Di samping itu, ia menyebabkan penjenayah ini takut dan mula mengurangkan kegiatan mereka dan bertukar kepada aktiviti jenayah yang lain.

PDRM mengakui peranan penting pihak media massa dalam usaha memerangi jenayah berkenaan. Oleh itu, kempen-kempen dalam media massa akan dijalankan secara berterusan. Sebagai contoh, pada Julai 2003, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia telah mengadakan kempen besar-besaran di seluruh negara yang bermula di Lembah Klang (iaitu kes ragut tertinggi) bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang jenayah ini. Kempen ini turut melibatkan pihak PDRM dan badan bukan kerajaan. Melalui perantaraan media massa, PDRM dapat menyalurkan pelbagai maklumat kepada masyarakat, contohnya, memberikan langkah pencegahan, melaporkan tempat-tempat sering berlaku ragut serta statistik jenayah ragut. Akhbar harian *Kosmo* menyiarkan statistik harian yang dikeluarkan oleh PDRM Kuala Lumpur berkaitan jenayah termasuk jenayah ragut yang berlaku di sekitar ibu kota. Berdasarkan statistik tersebut, berlaku antara tiga hingga 10 kes ragut setiap hari. Rancangan-rancangan yang disiarkan dalam televisyen seperti 999 di TV3, drama *Gerak Khas* (TV2), *Skwad Elite* (TV2), dan *Edisi Siasat* (NTV7) juga di stesen radio seperti dalam rancangan *Polis dan Anda* yang melibatkan PDRM, mampu membantu memberikan peringatan dan panduan kepada masyarakat tentang jenayah ragut ini.

Media massa merupakan harapan negara yang terbaik bagi memenuhi beberapa kelemahan pemakluman dan penyimpanan jadual pembangunan negara. Justeru, negara membangun diseru memandang berat dan teliti akan kegunaan alat-alat ini dalam komunikasi moden (Schramm 1971). Menurut Lazarfield dan Merton pula, orang ramai kini menyedari keupayaan media massa dan penyebarannya. Sebahagian besar masyarakat kini berasa bahawa media massa merupakan alat yang cukup berkesan untuk mempengaruhi rakyat sama ada untuk kebaikan atau kejahatan. Jika tidak terdapat kawalan yang mencukupi, kemungkinan kejahatan akan menjadi lebih menonjol.

Abd. Aziz dan rakan-rakan (1987) berpendapat bahawa pada asasnya TV Malaysia berfungsi untuk menyampaikan maklumat secara mendalam dan seluas yang mungkin tentang dasar kerajaan, memberikan hiburan dan membuat liputan peristiwa penting yang berlaku di dalam dan luar negara. Selain itu, mereka berpendapat, TV Malaysia mampu berperanan membantu mewujudkan satu masyarakat Malaysia yang harmonis dan membina sebuah negara yang maju dan progresif seandainya penggunaan TV dilakukan dengan sebaik-baiknya. Sementara itu, R. Karthigesu (1995) menambah bahawa media televisyen meskipun usianya

baru mencecah setengah abad, telah mampu mendapat tempat yang paling penting dalam kehidupan hampir seluruh masyarakat di dunia. Ia memainkan peranan yang cukup penting dalam proses pembangunan negara. Di samping itu, televisyen sering menjadi saluran penting dalam pembentukan agenda sosial di kebanyakan negara.

Tan Mee Lee (2002) yang mengkaji impak media elektronik terhadap masyarakat, mendapati bahawa media elektronik, iaitu televisyen merupakan keperluan yang sangat penting dalam kehidupan seharian dan mempunyai potensi dan kecenderungan memberikan kesan kepada penonton. Sementara itu, Nor Maziah Jaafar (2003) melihat bahawa media massa merupakan satu wadah untuk menyalurkan maklumat dan membentuk generasi yang berilmu. Ia merupakan sumbangan terbesar media massa terhadap masyarakat. Kajiannya menunjukkan bahawa media massa memberikan pengaruh yang kuat kepada gaya hidup belia di Kuala Lumpur.

Kajian Hasmah Zanuddin dan Yuana King (2006) menunjukkan akhbar mungkin mampu mewujudkan kesedaran sosial terhadap masyarakat melalui berita jenayah. Majoriti responden bersetuju bahawa berita jenayah melalui akhbar dapat memberikan kesan terhadap kesedaran sosial khalayak tentang persekitaran. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan responden tentang isu jenayah telah meningkat setelah membaca akhbar.

Kajian penggunaan media di kalangan masyarakat Amerika Syarikat menunjukkan bahawa setiap hari secara purata 60% waktu sedar mereka terdedah kepada media massa. Pada tahun 1997, setiap individu menonton televisyen selama 4.3 jam sehari meningkat kepada 4.4 jam sehari pada tahun 2001 dan 2003. Mereka mendengar radio selama 3.0 jam sehari pada tahun 1997. Jumlah ini menurun kepada 2.8 jam sehari pada tahun 2001 dan 2.7 jam tahun 2003. Kajian ini juga menunjukkan pada tahun 1997, setiap orang membaca surat khabar selama 0.4 jam sehari dan kadar ini sama pada tahun 2001 dan 2003 (Vivian 2002).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai objektif untuk melihat pendapat masyarakat khususnya wanita tentang peranan media massa dalam mendedahkan kegiatan jenayah ragut yang berlaku di Kuala Lumpur supaya dapat menyedarkan masyarakat daripada menjadi mangsa jenayah ini. Kajian ini juga cuba melihat peranan yang dimainkan oleh media massa dalam membantu PDRM mengurangkan jenayah ragut.

SKOP DAN METODOLOGI

Mengikut statistik PDRM, golongan wanita menjadi sasaran utama peragut. Kuala Lumpur pula merupakan kawasan yang paling banyak berlaku jenayah ragut. Oleh itu, seramai 390 orang responden wanita telah dipilih bagi mewakili populasi di kawasan kajian. Kajian ini hanya terhad kepada golongan wanita di Kuala Lumpur terutama kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai seperti pusat membeli belah, syarikat komersial dan perdagangan, serta institusi-institusi pengajian tinggi. Kajian ini menggunakan borang soal selidik untuk mendapatkan maklumat atau data responden. Borang soal selidik ini dibahagikan kepada beberapa bahagian,

iaitu latar belakang responden, sikap responden terhadap media, dan pandangan responden terhadap media dalam isu jenayah ragut.

HASIL KAJIAN

Responden yang terlibat terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dan profesion seperti golongan profesional, ahli perniagaan, pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta, suri rumah dan sebagainya. Kajian terhadap peranan yang dimainkan oleh media massa dalam membendung isu jenayah ragut ini telah mendapat reaksi yang berbeza-beza daripada pelbagai pihak. Setiap orang mempunyai pandangan tersendiri terhadap media massa dan isu jenayah ragut di Kuala Lumpur. Analisis akan membincangkan latar belakang responden secara umum, bagi memberikan gambaran yang lebih jelas tentang responden yang terlibat. Antara aspek yang dibincangkan ialah kaum, umur, pekerjaan, pendapatan, dan sebagainya.

Kajian yang telah dijalankan menunjukkan golongan yang berumur antara 17 hingga 21 tahun atau golongan remaja merupakan yang paling ramai, iaitu sebanyak 30.5% atau 119 orang, diikuti golongan yang berumur 22 hingga 25 tahun, iaitu 28.2% (110 orang). Golongan yang berumur 26 hingga 28 tahun pula adalah sebanyak 21% (82 orang); 29 hingga 35 tahun sebanyak 13.6% (53 orang); dan umur antara 36 tahun dan ke atas hanya seramai 6.7% (26 orang).

Kajian ini juga menunjukkan lebih daripada separuh responden ialah kaum Melayu, iaitu 54.9%, (214 responden) diikuti kaum Cina sebanyak 23.8% (93 responden), India 11% (43 responden), manakala kaum-kaum lain sebanyak 10.3% (40 responden). Dari segi status, kajian mendapati responden yang terlibat terdiri daripada golongan yang masih bujang, iaitu 54.4% atau 212 orang, disusuli golongan telah berkahwin sebanyak 43.6% (170 orang), dan golongan telah berpisah hanya 2.1% (8 orang).

Hasil kajian mendapati kebanyakan responden bekerja dalam sektor swasta, iaitu sebanyak 33.1% atau 129 responden. Ini mungkin disebabkan terdapat banyak syarikat swasta di sekitar Bandar Raya Kuala Lumpur. Tambahan pula, Kuala Lumpur merupakan sebuah pusat perdagangan, pusat komersial, pusat pelancongan, dan pusat kebudayaan. Seterusnya golongan pelajar merupakan yang kedua tertinggi, iaitu sebanyak 29.5% (115 responden). Institusi-institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta seperti Universiti Malaya, Kolej Cenfad, Kolej Lim Kok Wing, Kolej Cosmopoint dan seumpamanya berada berhampiran dengan kawasan bandar raya ini. Oleh itu, tidak hairanlah ia menjadi tumpuan golongan pelajar. Kajian menunjukkan pekerja kerajaan mewakili sebanyak 20% (78 responden) serta pekerja persendirian 11.5% (45 responden), manakala hanya 5.9% (23 responden) sahaja yang tidak bekerja atau merupakan suri rumah.


Dari segi tahap pendidikan, kajian menunjukkan majoriti responden berkelulusan ijazah, iaitu 46.2% atau 180 responden, diikuti seramai 39.5% (154 responden) yang berpendidikan sehingga sekolah menengah. Hanya 2.1% (8 responden) sahaja yang berkelulusan sekolah rendah, manakala 12.3% (48 responden) mempunyai kelulusan selain di atas. Majoriti responden memperoleh pendapatan kurang daripada RM1,000, iaitu 32.6% atau 127 responden. Ini disebabkan ramai daripada responden merupakan golongan pelajar yang tidak mempunyai pendapatan tetap. Responden yang memperoleh pendapatan antara

RM1,001 hingga RM1,500 merupakan kedua tertinggi iaitu 25.5% (100 responden) dan diikuti yang berpendapatan antara RM1,501 hingga RM2,000 sebanyak 23.3% (91 responden). Mereka yang berpendapatan antara RM2,001 dan ke atas adalah sebanyak 18.5% (72 responden).

Hasil kajian menunjukkan responden yang datang dari luar Kuala Lumpur adalah lebih ramai berbanding dengan penduduk asal di sini, iaitu sebanyak 68.5% atau 267 responden berbanding hanya 31.5% (123 responden) penduduk asal Kuala Lumpur. Kepesatan pembangunan serta faktor peluang pekerjaan yang tinggi di Kuala Lumpur menyebabkan ia menjadi pilihan utama orang ramai. Selain itu, di sini juga terdapat banyak pusat pengajian tinggi awam dan swasta.

Dari segi tempat tinggal, kajian menunjukkan sebanyak 43.1% atau 168 responden tinggal di rumah pangsa, 31.3% (122 responden) tinggal di rumah teres, 16.9% (66 responden) tinggal di rumah jenis Semi-D dan hanya 8.7% (34 responden) tinggal di rumah banglo. Rumah pangsa menjadi pilihan kerana ia sesuai dengan pendapatan responden yang kebanyakannya golongan pelajar yang tinggal menyewa kerana rumah jenis ini lebih murah di samping majoriti responden ialah mereka yang berasal dari luar Kuala Lumpur. Selain itu, rumah teres menjadi pilihan mereka yang telah bekerja dan berpendapatan sederhana.

Rajah 1:
Pendapat responden tentang kebenaran berita daripada media massa



Kajian ini juga menunjukkan aktiviti kegemaran responden pada waktu lapang ialah menonton televisyen, iaitu 44.4% atau 173 responden berbanding 19.5% (76 responden) aktiviti lain, 15.1% (59 responden) mendengar radio, 11% (43 responden) melayari Internet dan hanya 10% (39 responden) gemar membaca akhbar dan majalah. Menonton televisyen menjadi pilihan kerana ia dikatakan lebih menjimatkan masa, laporan berita dapat diikuti berulang kali dan lebih jelas.

Kajian menunjukkan media massa amat berguna kepada masyarakat dalam kehidupan seharian ataupun sebaliknya. Kesemua responden yang diminta memberikan pendapat tentang media massa, menyatakan sangat setuju dan

bersetuju bahawa media massa sangat penting kepada mereka. Sebanyak 60.8% atau 237 responden sangat bersetuju sementara 39.2% (153 responden) bersetuju. Maklum balas ini jelas menunjukkan media massa sangat penting kepada masyarakat. Hasil kajian menunjukkan 35.9% atau 140 responden memberikan jawapan sangat bersetuju bahawa media massa mempunyai banyak kebaikan kepada masyarakat. Sementara itu, responden yang bersetuju adalah lebih tinggi, iaitu 56.2% (219 responden) dan tidak pasti sebanyak 7.9% (31 responden). Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa media massa memberikan manfaat serta kebaikan kepada orang ramai. Berdasarkan pernyataan bahawa media massa menjadi sumber berita atau sumber maklumat utama kepada responden, 75.1% atau 293 responden menyatakan sangat bersetuju, manakala 24.9% (97 responden) memberikan jawapan setuju dengan pernyataan tersebut. Ia jelas membuktikan bahawa media massa menjadi sumber berita yang utama kepada responden dan masyarakat umumnya.

Tentang kebenaran maklumat berita yang disiarkan oleh media massa, kajian menunjukkan bahawa responden memberikan pelbagai jawapan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Sebanyak 47.9% atau 187 responden bersetuju bahawa berita atau maklumat yang disiarkan dalam media massa adalah benar. Terdapat 26.7% (104 responden) menyatakan sangat bersetuju. Walau bagaimanapun, 23.3% (91 responden) memberikan jawapan tidak pasti dan sebanyak 2.1% (8 responden) tidak setuju bahawa berita yang disiarkan oleh media massa adalah benar. Hal ini mungkin disebabkan oleh beberapa tanggapan negatif yang telah dilemparkan oleh sesetengah pihak kepada pihak media massa tentang kepalsuan maklumat berita. Ini secara tidak langsung mungkin telah mempengaruhi segelintir golongan responden dan seterusnya masyarakat untuk tidak mempercayai kesahihan dan kebenaran berita yang disampaikan oleh media massa tempatan.

Jadual 1:
Pendapatan responden tentang kebenaran berita yang disiarkan oleh media massa mengikut kaum

Bangsa	Melayu %	Cina %	India %	Lain-lain %	Keseluruhan %
Sangat setuju	29.1	33.3	9.1	20.0	26.7
Setuju	43.6	58.4	27.3	70.0	47.9
Tidak pasti	25.5	8.3	63.6	0	23.3
Tidak setuju	1.8	0	0	10.0	2.1
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Jadual 2:
Pendapat responden tentang kebenaran berita yang disiarkan oleh media massa mengikut pekerjaan

Pekerjaan	Kerajaan %	Swasta %	Persendirian %	Pelajar %	Lain-lain %	Keseluruhan %
Sangat setuju	30.0	27.3	58.4	13.8	16.7	26.7
Setuju	35.0	54.5	33.3	65.5	0	47.9
Tidak pasti	30.0	18.2	0	20.7	83.3	23.3
Tidak setuju	5.0	0	8.3	0	0	2.1
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Jadual 3:
Pendapat responden tentang kebenaran berita yang disiarkan oleh media massa mengikut tahap pendidikan

Tahap pendidikan	Sekolah rendah %	Sekolah menengah %	Ijazah %	Lain-lain %	Keseluruhan %
Sangat setuju	50.0	20.5	23.9	53.8	26.7
Setuju	0	48.8	54.4	30.8	47.9
Tidak pasti	50.0	25.6	21.7	15.4	23.3
Tidak setuju	0	5.1	0	0	2.1
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Berdasarkan kebenaran berita yang disiarkan oleh media massa, kajian menunjukkan semua kaum sangat bersetuju dan bersetuju dengan kenyataan ini. Hanya 1.8% kaum Melayu dan 10% kaum lain yang tidak bersetuju, manakala 63.6% kaum India memberikan jawapan tidak pasti terhadap kenyataan ini, iaitu peratusan tertinggi dalam kalangan kaum India serta berbanding dengan kaum lain (lihat Jadual 1). Ujian-T menunjukkan nilai Min (M) = 1.89, Sisihan Piawai (SD) = 0.65, nilai t adalah signifikan ($p < 0.01$).

Dari segi pekerjaan, responden daripada semua jenis pekerjaan sangat bersetuju dan bersetuju bahawa berita yang disiarkan oleh media massa adalah benar. Hanya 5% di kalangan kakitangan kerajaan dan 8.3% yang bekerja sendiri tidak bersetuju (lihat Jadual 2). Ujian-T menunjukkan nilai M = 2.34, SD = 0.65, nilai t adalah signifikan ($p < 0.01$).

Berdasarkan Jadual 3 pula, kajian menunjukkan responden daripada setiap tahap pendidikan memberikan jawapan yang pelbagai. Walau bagaimanapun, majoriti memberikan jawapan sangat setuju dan setuju. Ujian-T menunjukkan nilai M = 2.34, SD = 0.47, nilai t adalah signifikan ($p < 0.01$).


Kajian mendapati 88.7% atau 346 responden menyatakan sangat bersetuju bahawa berita yang diterima daripada media massa sangat pantas, manakala 11.3% (44 responden) setuju dengan kenyataan tersebut. Kecanggihan teknologi

komunikasi merupakan faktor utama membolehkan berita atau maklumat yang diterima oleh masyarakat disalurkan dengan lebih pantas. Kajian menunjukkan seramai 71% atau 277 responden berpendapat bahawa kadar jenayah ragut di pusat bandar raya ini adalah sangat buruk manakala 29% (113 responden) lagi berpendapat ia berada pada tahap buruk. Pendapat responden ini mungkin memberikan gambaran bahawa keadaan jenayah ragut berada di tahap yang membimbangkan dan serius di ibu negara.

Satu perkara yang menarik ialah terdapat responden yang pernah menjadi mangsa ragut. Daripada 390 orang responden wanita yang disoal selidik, terdapat 9.2% atau 36 responden yang menyatakan bahawa mereka pernah menjadi mangsa ragut dan 90.8% (354 responden) tidak pernah mengalaminya. Walaupun peratusnya kecil, hasil temu bual mendapati mereka sehingga kini masih dalam trauma apabila keluar bersendirian kerana bimbang tragedi diragut itu akan berulang.

Dari segi sumber berita tentang jenayah ragut, televisyen dan surat khabar menjadi sumber utama maklumat responden tentang jenayah ragut di ibu kota. Kedua-dua media massa, televisyen dan surat khabar masing-masing dipilih oleh 39% atau 149 responden sebagai sumber maklumat tentang kes jenayah ragut. Terdapat 10% (40 orang) mengetahuinya daripada pengalaman sendiri, iaitu pernah menjadi mangsa peragut. Selain itu, 8% (32 orang) responden mendapat cerita tentang jenayah ragut daripada rakan-rakan dan radio sebanyak 5% (20 orang). Keputusan ini menunjukkan kemungkinan kaum wanita lebih terdedah kepada media surat khabar dan televisyen, dan kurang terdedah kepada radio dalam mendapatkan berita tentang jenayah ragut (lihat Rajah 2). Setiap hari media sama ada elektronik mahupun cetak mendedahkan kes jenayah ragut yang berlaku, membolehkannya berfungsi sebagai saluran penyampai maklumat kepada masyarakat.

Rajah 2:
Sumber berita responden tentang jenayah ragut



Jadual 4:
Sumber berita responden tentang jenayah ragut mengikut kaum

Bangsa	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Keseluruhan
Sumber	%	%	%	%	%
Televisyen	37.0	32.2	27.9	70.0	38
Radio	3.7	8.6	9.3	0	5
Akhbar	38.8	37.7	44.2	30.0	38
Rakan	11.2	4.3	9.3	0	8
Pengalaman	9.3	17.2	9.3	0	10
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Jadual 5:
Sumber berita responden tentang jenayah ragut mengikut pekerjaan

Pekerjaan	Kerajaan	Swasta	Persendirian	Pelajar	Lain-lain	Keseluruhan
Sumber	%	%	%	%	%	%
Televisyen	56.4	39.5	48.9	24.3	17.4	38
Radio	0	6.2	0	10.4	0	5
Akhbar	23.0	41.9	33.3	47.9	30.4	38
Rakan	10.3	3.1	0	7.0	52.2	8
Pengalaman	10.3	9.3	17.8	10.4	0	10
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Jadual 6:
Sumber berita responden tentang jenayah ragut mengikut tahap pendidikan


Tahap pendidikan	Sekolah rendah	Sekolah menengah	Ijazah	Lain-lain	Keseluruhan
Sumber	%	%	%	%	%
Televisyen	50.0	46.1	30.6	39.6	38
Radio	0	0	11.1	0	5
Akhbar	50.0	27.9	45.0	43.8	38
Rakan	0	15.6	2.2	8.3	8
Pengalaman	0	10.4	11.1	8.3	10
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Jadual 4 menunjukkan taburan sumber berita responden tentang jenayah ragut mengikut kaum. Kaum Melayu (38.8%), Cina (37.7%) dan India (44.2%) memilih surat khabar sebagai sumber utama bagi mendapatkan berita tentang jenayah ragut, manakala kaum lain (70%) memilih televisyen sebagai sumber utama berita jenayah ragut. Ujian-T menunjukkan nilai $M = 1.50$, $SD = 0.55$, nilai t adalah signifikan

($p < 0.01$). Dari segi pekerjaan seperti dalam Jadual 5, responden yang bekerja dalam sektor kerajaan (56.4%) dan persendirian (48.9%) memilih televisyen sebagai sumber utama mendapatkan berita jenayah ragut. Mereka yang bekerja dalam sektor swasta (41.9%) dan pelajar (47.9%) memilih surat khabar sebagai sumber utama berita. Mereka yang dalam kategori pekerjaan lain mendapat sumber berita daripada rakan-rakan (52.2%). Ujian-T menunjukkan nilai $M = 1.96$, $SD = 0.66$, dan nilai t adalah signifikan ($p < 0.01$). Berdasarkan tahap pendidikan seperti dalam Jadual 6, taburan menunjukkan responden yang berpendidikan sekolah menengah (46.1%) memilih televisyen sebagai sumber utama berita jenayah ragut. Mereka yang mempunyai tahap pendidikan ijazah (45%) dan lain-lain (43.8%) memilih akhbar sebagai sumber utama berita. Walau bagaimanapun, responden yang berpendidikan rendah memilih secara seimbang, iaitu televisyen (50%) dan akhbar (50%) sebagai sumber utama berita. Ujian-T menunjukkan nilai $M = 1.96$, $SD = 0.40$, dan nilai t adalah signifikan ($p < 0.01$).

Responden juga diminta memberikan pendapat tentang punca ragut, dan hasilnya, 34.6% atau 135 responden berpendapat bahawa jenayah ragut berpunca daripada desakan hidup sementara 22.8% (89 responden) berpendapat akibat tahap pendidikan yang rendah, 21% (82 responden) pula berpendapat punca berlakunya jenayah ragut disebabkan ketagihan dadah. Terdapat 17.4% (68 responden) berpendapat gejala negatif ini berlaku kerana kebanjiran pendatang asing ke negara ini. Selain itu, terdapat 4.1% (16 orang) responden yang berpendapat jenayah ragut dilakukan oleh peragut kerana untuk suka-suka. 63.3% atau 247 responden sangat bersetuju dengan kenyataan bahawa media massa membantu menangani jenayah ragut di Kuala Lumpur manakala 34.6% (135 responden) memberikan jawapan setuju dan hanya 2.1% (8 responden) menyatakan tidak pasti (lihat Rajah 3).

Rajah 3:
Pendapat tentang peranan media massa dalam membantu menangani jenayah ragut



Berdasarkan pendapat mengikut kaum tentang peranan media massa dalam membantu menangani jenayah ragut, majoriti daripada kalangan semua kaum memberikan jawapan sangat bersetuju dan setuju seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7. Ujian-T menunjukkan nilai $M = 1.48$, $SD = 0.58$, nilai t adalah signifikan ($p < 0.01$). Majoriti responden daripada semua jenis pekerjaan juga sangat bersetuju dan bersetuju bahawa media massa berperanan dalam membantu menangani jenayah ragut (lihat Jadual 8). Ujian-T menunjukkan nilai $M = 1.93$, $SD = 0.70$, nilai t adalah signifikan ($p < 0.01$). Keputusan yang hampir sama diperoleh tentang peranan media massa membantu menangani jenayah ragut mengikut tahap pendidikan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9. Ujian-T menunjukkan nilai $M = 1.94$, $SD = 0.43$, nilai t adalah signifikan ($p < 0.01$).

Jadual 7:
Pendapat tentang peranan media massa dalam membantu menangani jenayah ragut mengikut kaum

Bangsa	Melayu %	Cina %	India %	Lain-lain %	Keseluruhan %
Pandangan					
Sangat setuju	66.3	65.6	46.5	60.0	238.4
Setuju	30.0	34.4	53.5	40.0	157.9
Tidak pasti	3.3	0	0.0	3.3	
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	

Jadual 8:
Pendapat tentang peranan media massa dalam membantu menangani jenayah ragut mengikut pekerjaan

Pekerjaan	Kerajaan %	Swasta %	Persendirian %	Pelajar %	Lain-lain %	Keseluruhan %
Pandangan						
Sangat setuju	55.1	72.1	64.4	61.7	47.8	301.1
Setuju	39.7	27.9	38.3	27.8	52.2	185.9
Tidak pasti	5.2	0	0	5.5	0	10.7
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	


Jadual 9:
Pendapat tentang peranan media massa dalam membantu menangani jenayah ragut mengikut tahap pendidikan

Tahap pendidikan	Sekolah rendah %	Sekolah menengah %	Ijazah %	Lain-lain %	Keseluruhan %
Pandangan					
Sangat setuju	100.0	55.8	66.7	68.7	291.2
Setuju	0	41.6	22.9	22.9	151.9
Tidak pasti	0	2.6	8.4	8.4	19.4
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	

Hasil kajian menunjukkan 97.9% atau 382 responden mengakui bahawa maklumat yang disampaikan oleh media massa tentang isu ragut berguna kepada masyarakat. Hanya 2.1% (8 responden) memberikan jawapan sebaliknya. Keputusan ini jelas menunjukkan bahawa maklumat yang dilaporkan oleh media massa tentang ragut berguna kepada masyarakat agar mereka lebih berhati-hati dan sentiasa berwaspada terhadap penjenayah ini.

Responden juga diminta memberikan pendapat sama ada media massa memberikan sumbangan membantu pihak berkuasa khususnya PDRM dalam usaha menangani jenayah ragut. Hasil kajian menunjukkan 89.7% (350 responden) bersetuju dengan kenyataan tersebut, manakala 8.2 % (32 responden) mengatakan tidak pasti. Walau bagaimanapun, hanya 2.1 % (8 responden) tidak bersetuju (lihat Rajah 4).

Rajah 4:
Pendapat responden tentang peranan media massa dalam membantu PDRM menangani jenayah ragut



Kajian menunjukkan 88.7% atau 346 responden berpendapat bahawa peranan yang dimainkan oleh pihak media massa dalam menangani isu jenayah ragut di Kuala Lumpur adalah berjaya, manakala sebanyak 11.3% (44 responden) memberikan jawapan tidak pasti.

Tentang langkah terbaik menangani jenayah ragut, sebanyak 65.4% (255 responden) berpendapat kerajaan perlu mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap pesalah. Terdapat 32.6% (127 responden) menyatakan bahawa kawalan yang sedia ada perlu ditingkatkan. Ramai responden tidak berpuas hati dengan kawalan yang telah dilakukan oleh pihak berkuasa. Sebanyak 2.1% (8 responden) pula berpendapat perlunya diwujudkan satu badan khas bagi menangani isu ini. Menurut responden, isu ini tidak boleh dipandang ringan dan tindakan sewajarnya perlu diambil dengan segera. Pelbagai pendapat diberikan oleh responden tentang jenis hukuman yang wajar dikenakan terhadap peragut. 65.9% (257 responden)

berpendapat hukuman terbaik adalah dengan mengenakan penjara lebih lama terhadap pesalah. Selain itu, 22.1% (86 responden) berpendapat denda dan penjara adalah hukuman yang sesuai terhadap penjenayah ragut, sementara 12.1% (47 responden) berpendapat sebat adalah langkah terbaik bagi mengatasi jenayah ini.

PERBINCANGAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, responden berpendapat bahawa media massa mungkin memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu menangani jenayah ragut di Kuala Lumpur. Berasaskan pendapat responden terhadap media massa majoriti sangat bersetuju bahawa media massa mempunyai banyak kepentingan dan kebaikan. Melalui media massa seperti televisyen, surat khabar dan radio mereka dapat maklumat dan berita tentang kes-kes jenayah ragut yang berlaku di seluruh Malaysia amnya dan di Kuala Lumpur khususnya. Hal ini menunjukkan bahawa media massa mungkin menjadi sumber berita utama kepada mereka. Selain menjadi sumber hiburan, media massa turut memaparkan isu-isu yang memberikan kesedaran dan manfaat kepada masyarakat seperti jenayah ragut.

Majoriti responden bersetuju bahawa media massa di negara ini menyalurkan maklumat berita yang benar kepada mereka. Pihak media massa mempunyai tanggungjawab sosial untuk menyampaikan berita yang benar dan sahih. Tanggungjawab ini akan menjamin kestabilan dan keamanan negara ini. Kebenaran ini akan dapat mengekalkan kepercayaan masyarakat kepada media massa di negara ini.

Dengan bantuan teknologi komunikasi, media massa di negara ini telah berjaya menjalankan tanggungjawabnya dengan berkesan kerana berjaya menyampaikan maklumat berita dengan pantas kepada masyarakat. Kelewatan menyampaikannya menyebabkan berita itu akan menjadi "basi". Maklumat berita mestilah terkini atau mutakhir.

Responden berpendapat jenayah ragut di Kuala Lumpur berada pada tahap yang membimbangkan. Sebanyak 71% responden berpendapat ia sangat buruk manakala selebihnya 29% menyatakan buruk. Oleh itu, keadaan peningkatan jenayah ragut di sini tidak boleh di pandang ringan oleh PDRM dan masyarakat. Berdasarkan statistik harian PDRM tentang jenayah di Lembah Klang seperti yang dilaporkan oleh akhbar harian *Kosmo*, kes jenayah ragut di sekitar Kuala Lumpur berlaku setiap hari. Responden berpendapat, mungkin desakan hidup menjadi faktor utama berlakunya jenayah ragut ini selain faktor tahap pendidikan rendah, ketagihan dadah, dan banjir pendatang asing. Peragut ini dilihat sanggup melakukan apa-apa sahaja untuk mendapatkan wang dan barangan berharga tanpa mempedulikan implikasi yang berlaku sama ada pada diri mereka atau mangsa ragut. Terdapat beberapa kejadian ragut yang disiarkan oleh media massa telah mengakibatkan mangsa meninggal dunia akibat kecederaan.

Selain itu, responden berpendapat, media massa mungkin telah berjaya membantu mengurangkan kadar jenayah ragut. Majoriti responden yang terdiri daripada semua kaum mengakui peranan media massa dalam isu ini. Kejadian ragut yang sering disiarkan oleh media massa mungkin membuatkan masyarakat

lebih berhati-hati dan seterusnya dapat mengelakkan diri mereka daripada menjadi mangsa ragut. Ini jelas menunjukkan bahawa maklumat tentang jenayah ragut yang sering disiarkan oleh media massa amat berguna kepada masyarakat. Hal ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kadar kes ragut di Kuala Lumpur.

Pendedahan media massa terhadap jenayah ragut tidak sahaja membantu masyarakat malah turut membantu kerja pihak berkuasa, iaitu PDRM. Hasil kajian mendapati 90% responden berpendapat media massa banyak membantu PDRM dalam menangani jenayah ragut di Kuala Lumpur. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kerjasama kedua-dua pihak ini penting kerana mereka saling memerlukan antara satu sama lain dan langkah untuk mengatasi isu ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Hasil kajian menunjukkan masyarakat mendapat maklumat tentang jenayah ragut daripada media massa khususnya televisyen dan surat khabar. Ini bermakna, masyarakat mungkin akan terus bergantung pada media massa untuk mendapat maklumat tentang pelbagai jenayah termasuk jenayah ragut. Pelbagai berita dan rancangan berkaitan jenayah yang disiarkan oleh media massa negara ini mungkin telah membantu menyampaikan maklumat kepada masyarakat, seterusnya memberikan kesedaran kepada mereka supaya lebih berwaspada terhadap penjenayah ragut.

Dalam hal ini, pihak media massa di negara ini perlu meneruskan usaha dan tanggungjawab memperuntukkan lebih banyak kandungan berita dan rancangan tentang jenayah yang berlaku. Usaha ini akan membantu masyarakat supaya sentiasa sedar akan kes jenayah dan akhirnya dapat mengelakkan diri daripada menjadi mangsa jenayah ini.

Pendedahan media massa tentang jenayah ragut menyebabkan masyarakat peka dengannya. Mereka semakin memberikan kerjasama kepada PDRM dalam membantu membanteras jenayah ragut. Statistik Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur menunjukkan sejak Rakan Kop dilancarkan pada Ogos 2004 sehingga Mac 2005, sebanyak 6,000 orang sudah mendaftar secara rasmi menjadi Rakan Kop di Kuala Lumpur. IPK Kuala Lumpur juga telah menerima kira-kira 14,000 maklumat dan maklum balas orang ramai tentang perlakuan jenayah yang dihantar melalui khidmat pesanan ringkas (sms) dalam tempoh yang sama.

Maklum balas positif ini membuktikan program berkenaan mungkin berjaya mengubah sikap masyarakat yang sebelum ini kurang berminat membantu dan memberikan maklumat kepada PDRM berkaitan jenayah. Kerjasama ini mungkin dapat membantu pihak PDRM menjalankan aktiviti pencegahan dan pembanterasannya dengan lebih berkesan di sekitar ibu negara. Perkembangan positif ini berlaku mungkin hasil daripada pendedahan media massa tentang aktiviti pencegahan jenayah anjuran PDRM seperti Rakan Kop.

RUMUSAN

Media massa mungkin dilihat sebagai sangat penting kepada masyarakat Kuala Lumpur dalam membantu menyalurkan maklumat tentang jenayah ragut. Kajian menunjukkan bahawa masyarakat banyak bergantung pada media massa khususnya televisyen dan surat khabar berbanding saluran media lain dalam mendapatkan maklumat tentang jenayah ini. Responden sangat bersetuju bahawa pendedahan

media massa tentang jenayah ragut mungkin membantu usaha menyedarkan masyarakat dan seterusnya mengurangkan jenayah ini di Kuala Lumpur. Pendedahan jenayah ragut oleh media massa harus diteruskan bagi membantu pihak PDRM menangani masalah sosial yang begitu mengganggu kesejahteraan masyarakat khususnya Kuala Lumpur. Pendedahan media massa tentang aktiviti pencegahan jenayah anjuran PDRM seperti Rakan Kop mungkin telah mengubah sikap masyarakat untuk membantu membanteras jenayah ini di Kuala Lumpur.

PENGHARGAAN

Penulis ingin memberi penghargaan kepada Hasimahayu Yusuf, siswazah Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya atas bantuan pengumpulan data kajian ini.

RUJUKAN

- Babbie, E. 1995. *The Practice of Social Research*. 7th Edition. Belmont: Wadworth Publishing Company.
- Berita Harian. 2005. Rakan Cop Kuala Lumpur berkesan tangani jenayah. 26 Mac.
- Bryant, J. & S. Thompson. 2002. *Fundamentals of Media Effects*. Boston: McGraw Hill.
- Hasmah Zanuddin & Yuana King. 2006. Peranan akhbar dan maklum balas sosial: Berita jenayah akhbar *Harian Metro*. Dlm. Hamed Mohd Adnan dan Rahman Shaari (ed.). *Media di Malaysia: Mendukung Citra Bangsa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Media Guide*. 2005. Kuala Lumpur: Perception Media Sdn. Bhd.
- Mohd. Bakri Hj. Omar. 2004. Ucaptama dan perasmian di Seminar Industrial Security Issues: A Business Solutions Approach. Pulau Pinang: Hotel Gurney, 26 Julai.
- Nor Maziah Jaafar. 2004. Pengaruh media massa terhadap gaya hidup beliau: Satu Kajian kes di Kuala Lumpur. Kuala Lumpur: Jabatan Antropologi dan Sosiologi.
- R. Karthigesu. 1995. *Media Televisyen sebagai Fenomena Sosial dan Politik*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Schramm, W. et al. 1971. *The Handbook of Communications*. Chicago: Rard McNally.
- Syed Arabi Idid. 1993. *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tan Mee Lee. 2002. Media dan masyarakat: Rancangan televisyen dan impaknya ke atas belia di Kuala Lumpur. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Media.
- Utusan Malaysia*. 2005. Program inovatif PDRM berjaya turunkan kadar jenayah. 26 Mac.
- Vivian, John. 2002. *The Media of Mass Communication* 6th Edition. Boston: Allyn & Bacon.